

Mahathir ajak negara luar pastikan ada kebebasan dagangan

DUBLIN, 23 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini mengajak negara-negara di luar mana-mana blok perdagangan memastikan hanya kebebasan perdagangan menjadi alternatif yang boleh diterima oleh dunia untuk menyelamatkan suasana perdagangan.

Perdana Menteri menegaskan: "Dasar perlindungan akan menyusahkan semua orang dan satu-satunya pilihan yang ada hanyalah kebebasan perdagangan."

"Rundingan Uruguay menyetujui dan kita harus bekerja keras untuk menjadikannya satu kenyataan kerana pembentukan perdagangan serantau tidak seharusnya menjadi blok perlindungan."

Dalam ucapan dasar di majlis dialog anjuran Persekutuan Perindustrian Ireland (CII) dan Lembaga Perdagangan Ireland (ITB) di sini hari ini beliau menyatakan kumpulan perdagangan boleh membebaskan perdagangan bagi meningkatkan daya saing wilayah mereka.

* "Inilah wawasan kami dalam usaha mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN setelah kami bersetuju melaksanakan Skim Tarif Keutamaan Bersama yang akan bermula tahun depan."

"Ini bukan blok perdagangan tetapi untuk meluaskan pasaran tempatan negara anggota supaya menjadi hampir sama ukurannya dengan pasaran negara kaya," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata wawasan berkenaan juga bertujuan mengurangkan sekatan perdagangan dan menjadikan ASEAN sekutu perdagangan yang kompetitif di dunia.

Perdana Menteri mengingatkan Malaysia atau Ireland secara

persendirian tidak boleh menentukan dengan berkesan arah dan bentuk tata politik dan ekonomi antarabangsa.

"Suara kita adalah terlalu kecil untuk didengar. Namun begitu, kita adalah negara yang mempunyai wawasan untuk mencapai kemajuan bagi rakyat kita."

Arus

"Untuk itu, negara berekonomi kecil seperti kita harus mencari jalan bagi memastikan kita tidak ketinggalan dalam arus kegiatan ekonomi dunia dan hasrat ini akan hanya tercapai kalau kita bekerjasama," jelasnya.

Beliau menarik perhatian bahawa dunia ini seharusnya men-

jadi sebuah pasaran dan mengamalkan dasar perdagangan dalaman akan menghadkan kemampuan mewujudkan sebuah ekonomi yang berkembang dan kuat.

"Dalam masa yang sama, adalah juga penting bagi kita menggalakkan prinsip GATT selain dari melakukan apa sahaja bagi menjamin kejayaan Rundingan Uruguay Mengenai Perdagangan Pelbagai Hala dan menolak kecenderungan ke arah perlindungan menerusi blok perdagangan," tegas beliau.

Dr. Mahathir menyatakan dasar perdagangan Eropah akan memberi kesan yang besar ke atas evolusi sistem perdagangan liberal dunia memandang ia merupakan kumpulan perdagangan terbesar di dunia.

Dr. Mahathir berkata, adalah penting bagi negara kecil seperti Malaysia yang bergantung kepada perdagangan luar memastikan negara di dalam atau di luar benteng itu tidak mengamalkan ekonomi dalaman.— Utusan.



ABDULLAH HASSAN

**WAKIL UTUSAN
LONDON**

U.M. 24 SEP 1992